

08/01/1999

Badan siasatan khas dialu-alukan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kesediaan kerajaan mempertimbangkan penubuhan badan penyiasatan bebas bagi menyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dialu-alukan pelbagai pihak.

Presiden Majlis Peguam Malaysia, Datuk Dr Cyrus Das, berkata hasil siasatan yang telus dan adil hanya dapat dipastikan jika badan penyiasat tidak ada kaitan dengan orang yang disiasat.

"Pengakuan bahawa polis bertanggungjawab terhadap kecederaan Anwar adalah sesuatu yang amat membimbangkan dan perlu ditangani segera supaya rakyat tidak hilang keyakinan terhadap sistem perundangan dan keselamatan negara.

"Lantaran itu, satu badan penyiasat baru yang berkuasa sepenuhnya bagi menyiasat setiap individu terbabit, merangkumi semua aspek, perlu diselenggara segera," katanya hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau akan mempertimbangkan penubuhan badan penyiasat bebas jika itu kehendak semua pihak.

Setiausaha Agung Gerakan, Dr Tan Chee Kwong, berkata penubuhan badan penyiasat bebas itu adalah satu-satunya cara mendapatkan gambaran sebenar mengenai punca bagaimana Anwar cedera.

"Badan penyiasat sedia ada yang diketuai Asisten Komisioner Mat Zain Ibrahim sudah tentu sukar menjalankan tugas kerana kebanyakan saksi yang dinamakan dalam siasatan awal merangkumi pegawai kanan tertinggi polis.

"Dalam keadaan seumpama, khidmat bekas hakim serta bekas pegawai kanan kerajaan di sektor perundangan lebih sesuai bagi menentukan siasatan berjalan secara telus, terperinci dan menyeluruh," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pula berpendapat langkah segera perlu diambil bagi mengembalikan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap kredibiliti polis sebagai pelaksana undang-undang negara.

"Hanya badan penyiasat bebas sepenuhnya dalam erti kata sebenar dapat menyelamatkan maruah serta martabat polis dan mengembalikan kepercayaan rakyat kepada mereka yang diamanahkan menjaga keamanan negara," katanya.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dalam satu kenyataan hari ini, yakin penubuhan badan siasatan bebas akan menghapuskan sama sekali kritikan beberapa pihak mengenai sistem keadilan negara.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata langkah itu menandakan kematangan politik serta sistem demokrasi negara, selain memastikan perundangan negara dihormati dan terus terpelihara.

Sementara itu, di KELANTAN, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyokong penuh kesediaan kerajaan menubuhkan sebuah badan bebas.

Katanya, langkah itu perlu bagi membuktikan keadilan kerajaan dalam mengendalikan kes membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu hingga menarik perhatian umum.

Beliau berkata, ia juga selaras tuntutan Allah yang memerintahkan setiap manusia melakukan keadilan.

"Saya bersetuju sangatlah. Allah memerintahkan kita melakukan keadilan, kerana ia bukan sahaja tuntutan demokrasi, tetapi tuntutan Allah kepada manusia yang memegang kuasa.

"Daripada peringkat rumah tangga hingga ke peringkat negeri atau negara, kita perlu berlaku adil," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Kebajikan Pelajar Pusat Persediaan Pengajian Universiti Timur Tengah (PPPUTT) dan Institut Teknologi Ibnu Sina (INTIS), dekat sini, hari

ini.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, jika kerajaan gagal melakukan sesuatu bagi membutikan keadilan, kewibawaan mahkamah dan sistem kehakiman di negara ini akan dipersoalkan.

"Orang pandang hina kepada sistem mahkamah, jika kita tidak melakukan keadilan," katanya.

(END)